

BAHAGIAN A : JAWAB SEMUA SOALAN

1. Ilmu ekonomi ialah bidang yang mengkaji cara manusia
- A Merapatkan jurang perbezaan antara golongan kaya dengan golongan miskin
 - B Menggunakan tabungan untuk meningkatkan pendapatan pada masa depan
 - C Menghasilkan keluaran dengan menggunakan faktor pengeluaran secara optimum
 - D Menyeimbangkan pelbagai kehendak manusia dengan sumber ekonomi yang terhad
2. Pernyataan manakah benar tentang modal?
- I Mempunyai mobiliti geografi
 - II Kuantiti penawarannya terhad
 - III Tidak mempunyai mobiliti tempat
 - IV Alat ciptaan manusia yang digunakan untuk menghasilkan keluaran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Maklumat di bawah berkaitan dengan sistem ekonomi Negara X.

Individu di negara X bebas membuat keputusan dalam aktiviti ekonomi. Kerajaan akan campur tangan sekiranya berlaku sebarang penyelewengan dalam aktiviti ekonomi

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan di negara X?


- A Ekonomi Islam
 - B Sistem Ekonomi Sosialis
 - C Sistem Ekonomi Kapitalis
 - D Sistem Ekonomi Campuran
4. Maklumat di bawah berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Pengeluar topeng muka telah menambahkan bilangan pekerja untuk meningkatkan pengeluaran.

Apakah masalah asas ekonomi yang telah diselesaikan dalam situasi di atas?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Berapa yang hendak dikeluarkan
 - III Bagaimana hendak dikeluarkan
 - IV Untuk siapa dikeluarkan
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I dan III
 - D III dan IV

5. Rajah berikut menunjukkan pergerakan titik B ke A di sepanjang keluk permintaan.



Apakah faktor yang menyebabkan pergerakan titik dari B ke A ?

- A Kenaikan harga barang pengganti
- B Kejatuhan harga barang pengganti
- C Kenaikan harga barang itu sendiri
- D Kejatuhan harga barang itu sendiri


6. Jadual di bawah berkaitan dengan permintaan individu dalam pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)	
	Individu A	Individu B
8	50	80
10	40	X
12	30	40
16	20	20

Berapakah nilai X jika jumlah permintaan pasaran pada tingkat harga RM10 seunit ialah 100?

- A 40 unit
- B 60 unit
- C 100 unit
- D 130 unit

7. Rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pasaran dalam pasaran barangan



Apakah akan terjadi jika berlaku peralihan keluk penawaran dari S0S0 ke S1S1?


- A Wujud lebihan penawaran dalam pasaran
- B Harga keseimbangan akan menurun
- C Kuantiti keseimbangan akan meningkat
- D Harga keseimbangan akan meningkat

8. Pernyataan berikut berkaitan satu situasi yang berlaku di dalam pasaran.

Kerajaan bersetuju memberi Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM450 kepada hamper 1.5 juta penjawat awam dari Gred 56 dan kebawah sebagai persediaan untuk menyambut Aidilfitri.

Ubahsuai Berita Harian, 16 Mei 2019

Pilih rajah yang menunjukkan perubahan terhadap keseimbangan pasaran berkaitan dengan peristiwa di atas.



9. Jadual di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta bagi suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti Diminta (unit)
10	5
20	4

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga naik dari RM10 ke RM20?

- A 0.20 C 0.40
B 0.25 D 0.50

10. Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi keanjalan permintaan telefon pintar?

I Jenis barangan
II Corak penggunaan faktor pengeluaran
III Ketersediaan stok
IV Faktor jangka masa

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

11. Encik Azhar membeli sebuah kereta Viva dengan harga RM35 000 daripada Syarikat Produa Sdn. Bhd. Beliau membayar pendahuluan berjumlah RM5 000 dan bayaran bulanananya ialah RM277 selama 9 tahun.

Apakah fungsi wang RM277 tersebut?

A Alat pengukur nilai
B Alat penyimpan nilai
C Alat bayaran tertunda
D Alat perantaraan pertukaran

12. Maklumat di bawah berkaitan dengan suatu prinsip skim perbankan Islam.

* Suatu konsep jual beli barang secara ansuran termasuk margin keuntungan
* Digunakan dalam pembiayaan rumah atau kenderaan

Apakah konsep skim perbankan Islam tersebut?

A Al Takjiri
B Al Wadiah
C Mudharabah
D Bai Bithaman Ajil

13. Apakah aktiviti ekonomi yang tergolong dalam sektor kedua?

A Penanaman kelapa sawit dan pembinaan jalan raya
B Pembinaan rumah dan perusahaan perabot
C Perusahaan tekstil dan perkhidmatan hotel
D Perlombongan dan perkhidmatan insurans

14. Kolej Komuniti menyediakan pelbagai kursus jangka pendek kepada orang ramai. Apakah faktor pemilihan pekerjaan yang berkaitan dengan pernyataan tersebut?

A Jaminan kerja
B Prospek pekerjaan
C Suasana tempat kerja
D Pengalaman dan kemahiran

15. Pernyataan di bawah berkaitan dengan suatu ganjaran.

Ganjaran kepada individu yang menyumbangkan tenaga mental atau fizikal dalam proses pengeluaran

Ganjaran yang dimaksudkan ialah..

A sewa
B upah
C faedah
D untung

16. Iklan berikut berkaitan dengan satu jawatan kosong di Super Mart di Petaling Jaya.

JURUTEKNIK	
Calon-calon perlulah memiliki :	
• SPM, STPM atau kelayakan berkaitan • Boleh berkomunikasi (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris) • Mempunyai kenderaan sendiri & sanggup bekerja di luar kawasan • Sanggup bekerja syif	

Apakah faktor yang mendorong individu memohon pekerjaan di Syarikat tersebut?

- A Minat
- B Upah wang
- C Waktu bekerja
- D Faedah sampingan

17. Tujuan penubuhan KWSP ialah

- A menyediakan perlindungan risiko di tempat bekerja
- B menyediakan perlindungan kewangan bagi pesara
- C mengutip cukai bagi perbelanjaan pembangunan kerajaan
- D mengagih semua agihan pendapatan dalam masyarakat

18. Pilih pasangan pernyataan yang **betul** berkaitan keperluan dan kehendak pengguna

	Keperluan	Kehendak
I	Tidak menjadi keutamaan	Sebahagiannya tidak tercapai
II	Tidak dipengaruhi oleh tingkat pendapatan	Dipengaruhi oleh tingkat pendapatan
III	Sama untuk semua pengguna	Berbeza antara pengguna
IV	Harga barang ditentukan oleh mekanisme harga	Harga barang dikawal oleh kerajaan

- A I dan II
- B II dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

19. Jadual di bawah menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	120
4	320
10	800

Jika kos berubah firma ialah RM780, berapakah kos purata untuk unit output ke-12?

- A RM60
- B RM66
- C RM75
- D RM90

20. Jadual di bawah menunjukkan maklumat kos pengeluaran bagi firma Q.

Keluaran (unit)	0	16	20	25	30	45
Jumlah kos (unit)	250	456	650	900	1200	2200

Berapakah kos marginal bagi keluaran yang ke -25?

- A RM10
B RM30
C RM40
D RM50

21. Berikut adalah rumus bagi untung ekonomi.

$$\text{Untung ekonomi} = \text{Jumlah hasil} - X$$

X merujuk kepada

- A kos bahan mentah
B Kos purata
C kos eksplisit dan kos implisit
D Kos tetap

22. Antara yang berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti sebuah organisasi?

- I Prosedur kerja yang fleksibel dan ringkas
II Proses membuat keputusan yang rumit
III Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya
IV Tenaga pekerja yang mahir dan berkebolehan

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

23. Ciri yang manakah menerangkan tentang monopoli semulajadi oleh kerajaan?

- A mempunyai barang pengganti
B firma lain bebas keluar masuk industri
C mendapat perlindungan undang-undang
D harga barang keluaran dikawal oleh kerajaan

24. Antara faktor yang berikut, yang manakah menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara?

- I Sumber alam semulajadi yang banyak
II Kadar kelahiran yang menurun
III Agihan pendapatan yang seimbang
IV Insentif pelaburan dalam ekonomi.

- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

25. Dasar fiskal merupakan satu dasar kerajaan untuk mengatasi masalah

- A inflasi
B pengangguran
C kegawatan ekonomi
D pengangguran dan inflasi

26. Jadual di bawah menunjukkan hasil kerajaan persekutuan bagi tahun 2016.

Sumber	2016 (RM juta)
Cukai pendapatan individu	28 163
Duti Eksport	1930
Levi dan lain-lain	2758
Duti Eksais	12 925
Cukai Koperasi	2565
Cukai jualan	10 068

Berapakah jumlah cukai tidak langsung pada tahun tersebut?

- A RM27 681
B RM 32 176
C RM25 519
D RM30 728
27. Bagaimanakah bank pusat mengatasi masalah pengangguran menggunakan alat dasar kewangan yang berikut?

	Rizab Tunai	Surat jaminan Kerajaan	Syarat sewa beli
A	Naikkan	Beli	Ketatkan
B	Naikkan	Jual	Ketatkan
C	Turunkan	Beli	Longgarkan
D	Turunkan	Jual	Longgarkan

28. Antara berikut, yang manakah merupakan dorongan syarikat dalam operasi antarabangsa?
- A meluaskan pasaran
B kos pengangkutan yang rendah
C mengecilkan pasaran tempatan
D tidak ada perlindungan perdagangan

29. Apakah kesan positif pelaburan langsung asing?

- A Wujud kelestarian ekonomi
B Meningkatkan kualiti barang
C Mencapai keseimbangan pasaran
D Produktiviti dan keupayaan pekerja meningkat

30. Pernyataan yang manakah menjelaskan kepentingan perdagangan antarabangsa terhadap pertumbuhan ekonomi negara?

- A Perluasan pilihan pengguna
B menikmati harga barang yang lebih murah
C Meningkatkan mobiliti buruh ke negara lain
D pemindahan dan penggunaan teknologi lebih pesat

31. Mengapakah kerajaan mengenakan sekatan bukan ekonomi terhadap barang import?

- A Untuk meningkatkan hasil negara
B Untuk meningkatkan permintaan terhadap barang tempatan
C untuk mengurangkan kos pengeluaran pengeluar tempatan
D Untuk menjamin keselamatan dan kesihatan rakyat.

37. I Hukum permintaan menyatakan bahawa apabila harga meningkat, kuantiti diminta akan meningkat.
- II Hukum permintaan digambarkan oleh keluk permintaan mencerun ke atas dari kiri ke kanan
38. I Semua input dalam pengeluaran jangka panjang ialah input berubah
- II Semua input dalam pengeluaran jangka pendek ialah input tetap.
39. I Belanjawan lebihan berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan
- II Belanjawan lebihan digunakan bagi mengawal inflasi.
40. I Ringgit Malaysia mengalami kejatuhan nilai apabila wujudnya lebihan penawaran Dolar Amerika Syarikat
- II Ringgit Malaysia mengalami kenaikan nilai apabila wujudnya lebihan permintaan Dolar Amerika Syarikat